

PELAN ANTI RASUAH ORGANISASI



PELAN ANTI RASUAH ORGANISASI





Amanat Pengerusi TNB

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, Tenaga Nasional Berhad (TNB) telah berjaya menyediakan Pelan Antirasuah Organisasi TNB.

Pelan Antirasuah Organisasi (Organisational Anti-Corruption Plan (OACP)) ini adalah satu manifestasi komitmen TNB dalam menjalankan bisnes dengan memastikan pematuhan dan pelaksanaan integriti yang tinggi. OACP ini merupakan satu dokumen dasar antirasuah di peringkat organisasi yang bertujuan untuk menangani permasalahan dan kelemahan tadbir urus, integriti dan antirasuah dalam organisasi.

Saya menyarankan agar OACP ini dapat dijadikan panduan dan rujukan komprehensif dalam meningkatkan pematuhan integriti, tadbir urus dan secara menyeluruh membanteras gejala rasuah di peringkat TNB. Marilah kita bersama-sama bekerja dengan penuh kejujuran dan amanah dalam menjalankan tugas seharian bagi memastikan kecemerlangan syarikat yang kita sayangi ini termasuklah kecemerlangan dalam aspek kerohanian juga.

Jutaan terima kasih dan tahniah diucapkan kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menyediakan Pelan Antirasuah Organisasi TNB ini.

Sekian, terima kasih.

Dato' Abdul Razak Bin Abdul Majid
Pengerusi
Tenaga Nasional Berhad



Kata-Kata Aluan

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Syukur Alhamdulillah ke hadrat Ilahi dengan izinNya jua, TNB berjaya menyediakan Pelan Antirasuah Organisasi ataupun Organisational Anti-Corruption Plan (OACP) TNB bagi tahun 2023 sehingga 2025.

Sebagaimana yang kita ketahui bersama, integriti merupakan salah satu nilai utama merupakan nilai terpenting yang harus dijunjung tinggi oleh semua warga kerja TNB. OACP yang disediakan ini merupakan panduan yang menghimpunkan inisiatif pemerkasaan integriti, pembasmian rasuah serta pemerkasaan urus tadbir syarikat berdasarkan kepada nilai-nilai teras dan budaya TNB.

Pelan OACP yang telah dirangka ini adalah bukti nyata komitmen syarikat dalam menangani sebarang salah laku melibatkan rasuah, tadbir urus serta integriti yang boleh memberi impak negatif kepada imej syarikat.

Melalui implementasi kesemua inisiatif di dalam pelan ini, saya berkeyakinan syarikat mampu merealisasikan objektif utamanya dalam menerangi kehidupan dengan penuh inovatif dan mampan ke arah dunia yang lebih sejahtera serta seterusnya mencapai aspirasi untuk menjadi pembekal terunggul bagi solusi tenaga mampan di Malaysia dan peringkat antarabangsa.

Saya menyeru warga kerja semua untuk terus membudayakan dan mengukuhkan integriti melalui pelaksanaan inisiatif di dalam OACP ini agar kita dapat bersama-sama menangani salah laku berkaitan rasuah, tadbir urus serta integriti. Saya percaya dengan integriti yang tinggi, kita bersama-sama dapat membantu TNB mencapai kecemerlangan dan menjadi satu jenama unggul serta dihormati di peringkat nasional dan antarabangsa.

Akhir kata, sekalung penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada semua warga kerja yang telah terlibat secara langsung dan tidak langsung di dalam penyediaan OACP ini.

Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Ir. Baharin Bin Din
Ketua Pegawai Eksekutif
Tenaga Nasional Berhad



Kata-Kata Aluan

Ketua Pegawai Pembangunan Integriti

Selamat Sejahtera,

TNB menyahut seruan kerajaan untuk membangunkan Pelan Antirasuah ini selaras dengan National Anti-Corruption Plan (NACP).

Pelan ini telah dibangunkan dengan mengenalpasti risiko rasuah, tadbir urus dan integriti dan seterusnya menentukan inisiatif untuk menangani risiko-risiko ini.

Jutaan terima kasih diucapkan atas penglibatan semua wakil bahagian dan jabatan yang telah bersama-sama memberi sumbangan di dalam membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi TNB.

Saya berharap agar pelan ini menjadi rujukan komprehensif di dalam melaksanakan inisiatif kesedaran dan antirasuah serta pemantapan integriti dan tadbir urus.

Kami juga komited untuk memastikan agar inisiatif yang dirancang dapat dilaksanakan dalam tempoh yang dicadangkan agar TNB dapat meningkatkan tahap ketelusan, akauntabiliti dan tadbir urus dalam urusan perniagaan dan perkhidmatan TNB dan hasil dari itu dapat memberi perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan.

Sekian, terima kasih.

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'P. Kalivann Palanivelu'.

P. Kalivann Palanivelu
Ketua Pegawai Pembangunan Integriti
Tenaga Nasional Berhad



Ringkasan Eksekutif

Pelan Antirasuah Nasional (National Anti-Corruption Plan) (NACP) telah dilancarkan pada 29 Januari 2019 dengan objektif untuk menjadikan Malaysia negara yang dikenali dengan integriti dan bukannya rasuah.

Lanjutan daripada itu, pada 29 Mac 2019, satu Arahan YAB Perdana Menteri Bil.1/2018, Siri.2 Bil.01/2019 mengenai “Pemantapan Tadbir Urus, Integriti dan Antirasuah dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia” telah dikeluarkan yang menyatakan mengenai keperluan pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi (Organizational Anti-Corruption Plan) (OACP) sebagai salah satu inisiatif mandatori di bawah “Strategi 2:Memperkukuhkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam” di bawah inisiatif 2.1.5 di dalam NACP 2019-2023.

Manakala inisiatif 6.2.1 di dalam NACP turut menyatakan keperluan pembangunan OACP di setiap Badan-badan Berkanun, Syarikat Milik Kerajaan (SOE), Syarikat Terhad dengan Jaminan (CLBG) dan sektor swasta yang dikawal selia oleh badan kawal selia.

Pelan Antirasuah Organisasi TNB dibangunkan selaras dengan arahan tersebut sebagai satu dokumen yang menjadi dasar pelan tindakan atau inisiatif antirasuah di peringkat Syarikat di dalam usaha untuk menangani permasalahan dan kelemahan tadbir urus, mencegah perbuatan rasuah serta pelanggaran integriti di kalangan anggota kerja. Pelan Antirasuah Organisasi TNB dibangunkan oleh Jabatan Integriti TNB dengan kerjasama semua Bahagian dan Jabatan di dalam TNB.

Tujuan Kami

Bergerak bersama menerangi kehidupan dengan penuh inovatif dan mampan ke arah dunia yang lebih sejahtera.

Aspirasi Kami

Untuk menjadi pembekal terunggul bagi solusi tenaga mampan di Malaysia dan antarabangsa.

Integriti

- Kami mendukung etika yang tertinggi, dan melakukan apa yang betul pada setiap masa.
- Kami bersikap adil, jujur dan telus dalam segala urusan.
- Kami sentiasa berusaha mencapai manfaat bersama bagi negara, syarikat dan pelanggan.

Prihatin

- Kami tahu siapa kami, dan kami berpegang teguh pada nilai-nilai kami.
- Kami memahami, menghormati dan prihatin terhadap orang lain dan persekitaran.
- Kami memelihara keselamatan dan kesejahteraan warga kerja dan orang awam.

Kerjasama

- Kami saling mempercayai dan mengamalkan semangat kerja berpasukan demi kejayaan bersama.
- Kami proaktif dalam bantu-membantu, berkomunikasi dengan jelas dan memberikan maklumbalas yang membina.
- Kami mengamalkan kepelbagaian dan keterangkuman, serta kami menghargai pandangan luar.

NILAI TERAS DAN BUDAYA KAMI

Berwawasan

- Kami berani berubah, mencabar kebiasaan, dan menggalakkan ketangkasan serta inovasi.
- Kami komited untuk memastikan kemampanan TNB dalam semua aspek.
- Kami membuat keputusan bersandarkan maklumat tepat dan belajar daripada kesilapan.

Profesionalisme

- Kami bertanggungjawab sepenuhnya atas setiap tindakan kami.
- Kami sentiasa mempamerkan prestasi cemerlang dan produktiviti yang tinggi.
- Kami fokus pada pencapaian dan melaksanakan tugas dengan berdisiplin.

Mengutamakan Pelanggan

- Kami akan sentiasa memahami pelanggan dan mendahului kehendak mereka.
- Kami berterusan meningkatkan kepercayaan dengan menepati janji.
- Kami sentiasa mencari kelainan untuk menggembirakan pelanggan kami.

Peranan Utama Kami

TNB membekalkan elektrik kepada pelanggan secara konsisten dan berterusan, serta memastikan keseimbangan antara permintaan dan bekalan pada setiap masa.

Operasi Utama Kami

PENJANAAN**PENGHANTARAN****PEMBAHAGIAN****PERUNCITAN**

Pelanggan Kami

Kami telah berkhidmat untuk perindustrian, komersial dan pelanggan kediaman di Malaysia selama lebih 70 tahun.



Perindustrian

Pelanggan industri kami terlibat dalam pembuatan barangan dan perkhidmatan. Walaupun mereka membentuk segmen terkecil daripada pelanggan kami, mereka juga menyumbang sebahagian besar daripada jualan elektrik kami.

Komersial

Pelanggan komersial kami adalah sumber jualan elektrik kedua terbesar, menjalankan perniagaan dan aktiviti komersial yang mendorong ekonomi kami.



Kediaman

Pelanggan kediaman kami adalah majoriti daripada anggaran 32.7 juta penduduk Malaysia. Sebagai pasaran terbesar kami, mereka mendorong kami untuk menyampaikan produk dan perkhidmatan yang cemerlang.



Latar Belakang TNB

Sejak ditubuhkan, TNB telah memainkan peranan penting dalam membangun dan memperkasa negara melalui setiap pencapaiannya selama ini.

Pada tahun-tahun awal penubuhannya, tumpuan TNB adalah untuk menstabilkan negara dan menerangi rumah-rumah kediaman. Kami amat komited dengan peranan tersebut dan terus menyalurkan perkhidmatan elektrik kepada masyarakat walaupun berdepan dengan persekitaran yang mencabar. Semasa negara semakin memfokuskan kepada perindustrian, TNB mengambil tanggungjawab tersebut dengan memperkasa syarikat-syarikat dan industri perkilangan negara.

Pembangunan Grid Nasional, antara yang pertama di rantau ASEAN, merupakan antara komitmen kami dalam memastikan pertumbuhan jangka masa panjang grid tersebut diperhalusi dengan teliti. Grid Nasional membantu mewujudkan Malaysia sebagai sebuah negara yang bersatu dan progresif.

Bagi memastikan sumbangan dapat terus diberikan di masa hadapan, TNB mengambil langkah untuk berubah menjadi satu jenama global menerusi perluasan bisnes dan memperbaharui komitmen terhadap inisiatif kelestarian sosial dan alam sekitar.

Hari ini, kami terus bergerak maju ke hadapan dalam era digital. Kami berkeyakinan untuk menjadi peneraju industri - berubah daripada utiliti kepada tenaga, menerajui peralihan tenaga yang membentuk sektor tenaga pada hari ini.

Pembaharuan Tujuan, Aspirasi, Nilai-nilai Teras dan Laluan Kelestarian akan menjadi panduan kepada kami ke arah pelan hala tuju strategik kami 'Reimagining TNB', kunci untuk membantu kami berkembang melangkaui sempadan negara kita sendiri.

Budaya Integriti TNB

Pengurusan Disiplin di TNB diuruskan berlandaskan Prosedur Tatatertib TNB. Buku ini diterbitkan sejak tahun 1991. Edisi terkini adalah Prosedur Tatatertib TNB Edisi Ketujuh yang telah diterbitkan pada tahun 2021.

Pada tahun 2018, TNB telah melancarkan *TNB Corporate Integrity Management System (TCIMS)* berlandaskan rangka kerja ISO 37001 – *Anti-Bribery Management System*.

Objektif TCIMS adalah seperti berikut :

- Membawa TNB ke tahap antarabangsa melalui satu sistem pengurusan integriti yang strategik dan tersusun;
- Mengurangkan impak kos rasuah dan salah laku; dan
- Menambahbaik budaya berintegriti TNB.

Empat (4) polisi utama telah dibangunkan iaitu:-



Prinsip-prinsip Tatacara Mencukupi (T.R.U.S.T)

Garis panduan tatacara mencukupi dikeluarkan selaras dengan subseksyen (5) Seksyen 17A Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta SPRM 2009), sepertimana yang dinyatakan dalam Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (Pindaan) Akta 2018.

Objektif garis panduan ini adalah untuk membantu organisasi komersial memahami kaedah pelaksanaan tatacara mencukupi yang boleh dilaksanakan bagi mencegah berlakunya rasuah yang berkaitan dengan aktiviti perniagaan.

Garis panduan ini diwujudkan berasaskan lima prinsip utama yang boleh dijadikan asas rujukan oleh organisasi komersial untuk melaksanakan apa-apa polisi, prosedur dan langkah kawalan berkaitan antirasuah yang bersesuaian ke arah mencapai matlamat mempunyai tatacara mencukupi sepertimana yang dikehendaki oleh undang-undang.

Berikut merupakan inisiatif-inisiatif dan langkah-langkah kawalan yang telah dilaksanakan oleh TNB berdasarkan lima prinsip utama tersebut:-



Komitmen Pengurusan Atasan

- Penubuhan Board Integrity Committee & Integrity Council
- Pelaksanaan Polisi-Polisi TNB Corporate Integrity Management System
- Buku Prosedur Tatatertib TNB
- Pensijilan ISO37001 - Anti-Bribery Management System
- Mesyuarat Management Review & Governing Body Review

Analisa Risiko

- Daftar risiko Fraud & Bribery setiap Bahagian/Jabatan
- Worksyop Fraud & Bribery Risk Management
- Daftar risiko Fraud & Bribery disemak semula berdasarkan pelan semakan oleh Jabatan Integriti

Pelaksanaan Langkah Kawalan

- Pengurusan aduan yang sistematik
- Penyiasatan dan Pengurusan Disiplin yang berpusat di Jabatan Integriti
- Semakan semula Kod Etika TNB
- Mengkaji dan membuat pindaan polisi-polisi TCIMS dan proses kerja Jabatan Integriti
- Proses Pengurusan Akibat

Pemantauan, Penilaian dan Penguatkuasaan Secara Sistematik

- Audit dalaman ISO 37001 di setiap Jabatan/Bahagian secara tahunan
- Audit pihak luar - SIRIM bagi ISO 37001
- Penubuhan Jawatankuasa Penentuan Kes dan Penilaian Aduan

Latihan & Komunikasi

- Training & Communication Plan Jabatan Integriti
- TNB Integrity Health Index
- Hot Job training

OACP TNB

Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) ialah PELAN STRATEGIK ANTIRASUAH yang dibangunkan di peringkat organisasi bertujuan untuk menangani permasalahan governans, integriti dan rasuah.

Ia juga merupakan penanda aras komitmen integriti sesebuah organisasi di dalam memerangi rasuah berdasarkan tadbir urus yang cemerlang serta pembudayaan integriti di dalam kalangan warga kerja. Justeru, TNB membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi TNB (OACP TNB) 2023 hingga 2025 sebagai tanda komitmen di dalam memerangi rasuah.

VISI

Membentuk budaya kerja yang beretika dan berintegriti untuk mencapai matlamat dan aspirasi TNB.

MISI

Memperkasakan tadbir urus, integriti dan antirasuah TNB dengan bertindak secara jujur dan mematuhi piawaian moral, nilai teras dan prinsip etika tertinggi.

MATLAMAT

Meningkatkan tahap ketelusan, akauntabiliti dan tadbir urus dalam urusan perniagaan dan perkhidmatan TNB.



Bagaimana OACP TNB Dibangunkan

TNB telah bekerjasama dengan pihak Institut Integriti Malaysia (IIM) di dalam pembangunan OACP ini. Skop pembangunan OACP TNB merangkumi 21 Bahagian/Jabatan yang terdiri daripada fungsi teras, bukan teras, korporat dan perkhidmatan sokongan.

Pembangunan OACP terdiri daripada 4 fasa seperti berikut:-



Bidang Keutamaan & Strategi OACP TNB

Empat (4) bidang keutamaan telah dikenalpasti di dalam OACP TNB.



Empat (4) strategi telah dikenalpasti dalam OACP TNB.

Strategi OACP



Kerangka OACP TNB

Kerangka OACP TNB ini telah dibangunkan berdasarkan empat (4) bidang keutamaan dan empat (4) strategi. Ia juga disokong oleh lapan belas (18) objektif strategik bagi memperkukuhkan standard integriti dan tadbir urus Syarikat.

BIDANG KEUTAMAAN	STRATEGI	OBJEKTIF STRATEGIK
Tadbir Urus	Memperkasakan & menambahbaik tadbir urus syarikat	<ul style="list-style-type: none"> • Memperkasa kawal selia dan pematuhan tadbir urus syarikat. • Mempertingkatkan keberkesanan dan kebolehpercayaan saluran pelaporan. • Memperkasa autoriti dan tadbir urus syarikat bagi mencegah dan menyekat campur tangan eksekutif. • Mempertingkatkan penguatkuasaan ke atas salah laku berdasarkan garis panduan dan pekeliling yang berkuat kuasa. • Membentuk budaya kerja yang berintegriti dan berakauntabiliti tinggi serta membangunkan sistem yang lebih berintegrasi. • Memastikan pengamalan ketulusan dan ketelusan di dalam tadbir urus syarikat. • Memperkukuh pentadbiran dengan memfokuskan kepada pemantapan integriti anggota kerja. • Meningkatkan kecekapan dan pengamalan profesionalisme melalui perluasan pelaksanaan program kesedaran integriti dan nilai-nilai.
Kewangan & Perolehan	Memperkukuhkan keberkesanan sistem kewangan dan perolehan	<ul style="list-style-type: none"> • Menambah baik keberkesanan dan penguatkuasaan kawalan dalaman proses kewangan & perolehan. • Meningkatkan kecekapan dan pengamalan profesionalisme di dalam pelaksanaan polisi dan prosedur. • Meningkatkan penggunaan teknologi tinggi di dalam sistem perolehan. • Memastikan pengamalan ketelusan oleh pihak yang menguruskan perolehan.
Pentadbiran & Sumber Manusia	Memperkukuhkan keberkesanan dan ketelusan sistem pentadbiran dan sumber manusia	<ul style="list-style-type: none"> • Meningkatkan kesedaran integriti kepada warga kerja. • Memastikan keseragaman sistem pentadbiran & sumber manusia TNB. • Menambah baik keberkesanan dan ketelusan tadbir urus sistem pentadbiran & sumber manusia TNB.
Operasi	Meningkatkan keberkesanan pengurusan operasi	<ul style="list-style-type: none"> • Memperkasakan sistem pengurusan operasi organisasi. • Mengukuhkan pengamalan integriti di dalam operasi organisasi. • Meningkatkan modal insan di dalam operasi organisasi.

PELAN TINDAKAN

Berdasarkan penilaian risiko ke atas 21 Bahagian/Jabatan, kami telah mengenalpasti 65 inisiatif tindakan di bawah empat (4) bidang keutamaan, empat (4) strategi dan lapan belas (18) objektif strategik bagi membendung isu rasuah, integriti dan tadbir urus di TNB.




PELAN TINDAKAN OACP BERDASARKAN KUADRAN

Hasil analisis kuadran yang dilaksanakan oleh Jawatankuasa Pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi TNB, sebanyak 65 inisiatif telah dikenal pasti di mana 42 inisiatif di bawah Kuadran A dan B akan diberi keutamaan berdasarkan analisa tahap kesan dan hasil positif yang dicapai serta kompleksiti pelaksanaannya.

MEKANISME PEMANTAUAN & PENILAIAN

STRUKTUR PELAPORAN



Empat (4) mekanisme bagi memantau dan menilai inisiatif-inisiatif OACP TNB yang dikenalpasti.

01

JABATAN INTEGRITI

Mengkoordinasi untuk memastikan agar inisiatif yang dicadangkan dapat dilaksanakan oleh Bahagian/Jabatan (agensi pelaksana) di dalam tempoh masa yang ditetapkan.

02

AUDIT DALAMAN ABMS

Setiap Bahagian/Jabatan akan memastikan agar inisiatif yang dijalankan adalah mematuhi dan memenuhi standard yang ditetapkan.

03

LAPORAN PELAKSANAAN INISIATIF OACP

Setiap Bahagian/Jabatan akan memastikan status pelaksanaan inisiatif disediakan dalam format laporan yang standard untuk tujuan pelaporan kepada Jawatankuasa Integriti Lembaga Pengarah.

04

TNB RISK INFORMATION SYSTEM (TRIS)

Setiap Bahagian/Jabatan perlu mengemaskini daftar risiko dan memastikan punca risiko dapat dikurangkan atau ditangani.

Kesimpulan

Pelan Antirasuah Organisasi TNB telah menggariskan sebanyak 65 inisiatif yang perlu dilaksanakan dalam tempoh 3 hingga 5 tahun. Bagi tempoh ini, hanya 42 inisiatif di bawah Kuadran A dan B akan diberi keutamaan berdasarkan analisa tahap kesan dan hasil positif yang boleh dicapai serta kompleksiti pelaksanaannya.

Pelan ini bertindak sebagai satu panduan komprehensif yang boleh digunakan sebagai rujukan untuk semua bahagian/jabatan di dalam TNB bagi merancang inisiatif/program berkaitan governans, integriti dan antirasuah.

Di dalam menjayakan usaha memantapkan governans, integriti serta antirasuah ini, TNB sentiasa meletakkan komitmen yang tinggi dan menjalankan usaha berterusan demi memastikan TNB menjadi sebuah organisasi yang dipercayai serta diyakini. Kejayaan usaha ini sangat bergantung kepada komitmen pengurusan tertinggi serta kerjasama dari setiap bahagian/jabatan dan juga penglibatan dari seluruh anggota kerja selaras dengan nilai-nilai teras dan budaya yang telah dipraktikkan oleh Syarikat sejak sekian lama.

Pelaksanaan serta keberkesanan pelan ini akan dipantau dari semasa ke semasa dan akan dikaji semula serta dikemaskini berdasarkan maklum balas yang diterima dan mengikut perubahan semasa.



Penghargaan

Sekalung penghargaan kepada semua pihak yang telah bekerjasama sepanjang pembangunan dan penggubalan Pelan Antirasuah TNB terutamanya kepada pihak Pengurusan Tertinggi, Jawatankuasa Pembangunan daripada bahagian/jabatan, Sekretariat yang hadir memberikan input serta tidak dilupakan Agensi Peneraju, Institut Integriti Malaysia (IIM) yang memberikan tunjuk ajar serta panduan.

Bil.	Nama	Bahagian/Jabatan
1	Nor Atikah binti Mohamad Nasir	Pejabat Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif
2	Lim Siew Ching	Pejabat Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif
3	Ir. Ahmad Afzainizam Bin Mokhtar	TNB Power Generation Sdn. Bhd.
4	Azmi Bin Ahmad	TNB Power Generation Sdn. Bhd.
5	Md Nizam Bin Abu Bakar	TNB Power Generation Sdn. Bhd.
6	Huzairee bin Abdul Halim	TNB Power Generation Sdn. Bhd.
7	Aidah Tajuddin	Kewangan Kumpulan
8	Taarshinny Devi Naidu	Kewangan Kumpulan
9	Suriati Asmah Bt Abdullah	Kewangan Kumpulan
10	Ponnarasi a/p Muthusamy	Kewangan Kumpulan
11	Abdul Rahim Abd Jamil	Regulatory & Stakeholder Management
12	Mohd Azhan bin Hassan	Regulatory & Stakeholder Management
13	Ahmad Farid Abdul Aziz	Regulatory & Stakeholder Management
14	Ir. Hj. Zahari Bin Hj Dollah	Distribution Network
15	Ryan Loh Kin Weng	Distribution Network
16	Mohd Shukri bin Safarudin	Distribution Network
17	Mgt. Nasaruddin bin Mgt. Mazelan, Ir. Ts.	Distribution Network
18	Zamin bin Zuhir	Distribution Network
19	Farhana binti Harun	Distribution Network
20	Chin Way Kong	Distribution Network
21	Muhammad Khairi Azim bin Kamal Ariffin	Distribution Network
22	Sariah Ni	Grid
23	Ahmad Ikhwan b. Mohd Rozali, Ts.	Grid
24	Norzubaidah Binti Mahmod	Grid
25	Nurul 'Ain Sakina bt Hussin	Grid
26	Darshaini a/p G Sandrasageran	Strategy & Ventures
27	Norfa'iza binti Mohd Nazri	Strategy & Ventures
28	Mohamed Norfitri Bin Jomain	ICT
29	Shasheela Devi Karuppiah, Dr.	ICT
30	Noor Zafina Mohd Zamin	ICT
31	Mohd Nazul Iqwan Bin Halin	ICT
32	Ida Yasmin Binti Hoesni	New Energy
33	Nisha Maryann a/p Joseph	New Energy
34	Raja Abd Jalil Bin Raja Zaid, Dato'	Retail
35	Nazarina Mohd Nasir	Retail
36	Nur Izyan Zuhaira binti Mohd Hakimi	Retail
37	Anbananthan A/L J.Rayappan	Retail
38	Muhammad Syahir bin Abdul Hanit	Retail
39	Nor Fazilah Binti Abdul Aziz	Retail
40	Ira Amirah binti Md Yusof	Retail
41	Jamaludin Othman	TNB Global Business Solutions
42	Mohd Fawzy Abu Bakar	TNB Global Business Solutions
43	Ahmad Supian Ibrahim	TNB Global Business Solutions

Bil.	Nama	Bahagian/Jabatan
44	Arulanthu Edwin A/L Sandaram	TNB Global Business Solutions
45	Mohamad Azim bin Badri Sa'Ali	TNB Global Business Solutions
46	Nor Nazariza Md Salim, Ts	TNB Global Business Solutions
47	Liyana bt. Sa'ari	TNB Global Business Solutions
48	Muhamad Mu'az b Yusof, Ir.	TNB Global Business Solutions
49	Marzuki bin Mustapha, Ir. Ts.	TNB Global Business Solutions
50	Ina bt. Abu Bakar	TNB Global Business Solutions
51	Mohd Rafie Razali	TNB Global Business Solutions
52	Ahmad Faeiz Mohd Bahrim	TNB Global Business Solutions
53	Krishnakumar Marimuthu, Dr.	TNB Global Business Solutions
54	Jessica a/p Retnasamy	TNB Global Business Solutions
55	Chua Kim Pei	TNB Global Business Solutions
56	Suhaimi Bin Md Noor	TNB Global Business Solutions
57	Mohd Shafiq Daniel b. Abdullah	TNB Global Business Solutions
58	Norlina Samsudin	Sumber Manusia Kumpulan
59	Yusri Hori	Sumber Manusia Kumpulan
60	Zuhara Shahril	Procurement & Supply Chain
61	Nik Mohd Nazmi b. Rosli	Procurement & Supply Chain
62	Md Fadzil Kaulan	Procurement & Supply Chain
63	Saifulizam bin Che Man	Procurement & Supply Chain
64	Rahmat Saad	Setiausaha Syarikat
65	Amira bt. Azhar	Setiausaha Syarikat
66	Basyarah Bt. Rakhibi	Setiausaha Syarikat
67	Nik Nur Izzati bt. Nik Hamizi	Setiausaha Syarikat
68	Rabiatul binti Jamalludin	Setiausaha Syarikat
69	Mohd Khairul bin Ibrahim	Pengurusan Risiko
70	Mohd Farhan bin Baharudin	Pengurusan Risiko
71	Ruhaidah binti Rasidi	Audit Dalaman Kumpulan
72	Sharimala Devi a/p Gunaseekarani	Audit Dalaman Kumpulan
73	Muhammad Fadlullah bin Amram	Audit Dalaman Kumpulan
74	Aimie Sarah binti Mat Mazelan	Audit Dalaman Kumpulan
75	Zahirah Long	Group Corporate Communications
76	Ahmad Shazri bin Mohd Ghouse	Group Corporate Communications
77	Manjit Singh a/l Malkit Singh	Group Corporate Communications
78	Hawa Hj Anwar	Group Corporate Communications
79	Mohd Ali Yusof	Perkhidmatan Undang-undang
80	Rabiha Abdullah	Perkhidmatan Undang-undang
81	Nurfilzah binti Ahmad Jaafar	Perkhidmatan Undang-undang
82	Aminu Razif b. Zainal Ariffin	Perkhidmatan Undang-undang
83	Azizan Binti Harun	Single Buyer
84	Nor Ameelyna bt. Zaini	Single Buyer
85	Mia Ameira Mustadza	Single Buyer
86	Hasnoor Faizmah bt. Hasim, Ir. Ts.	Grid System Operator
87	Thoo Poh Choo	Grid System Operator
88	Mazyu Syaziana bt. Muhamed	Grid System Operator
89	Mohd Yusmanizam Bin Mohd Yusof, Ir.	Transformation Management Office
90	Marleyana Binti Md Jude	Transformation Management Office
91	Siti Syahirah bt. Ismail	Transformation Management Office
92	Kalivann Palanivelu	Integriti
93	Hasbah Hasbullah	Integriti
94	Ahmad Petra Firdaus b. Abdullah	Integriti
95	Kamaruddin Omar	Integriti
96	Hazman Mansor	Integriti

Bil.	Nama	Bahagian/Jabatan
97	Shaharuddin Hanapi	Integriti
98	Mohd Zaidi bin Mansor	Integriti
99	Haripriya Ganesan	Integriti
100	Zalina bt. Nayop	Integriti
101	Nuur 'Aisyah Khairuddin	Integriti
102	Ganesa Rao a/l Appa Ravau	Integriti
103	Pukalentrin a/l Thangarajah	Integriti
104	Liyana bt. Mohd Annuar	Integriti
105	Kamarul Bahari Yusof	Integriti
106	Ahmad Termizi Mohayiddin	Integriti
107	Nazatul Syima Binti Mat Daut	Integriti
108	Rahayu Binti Bakar	Integriti
109	Alif Akbar bin Abu Bakar, Ts.	Integriti
110	Chong Poh Kok	Integriti
111	Mohd Shah Ridzal bin Bakri	Integriti



Jabatan Integriti
Tenaga Nasional Berhad
Aras 9, Tower B, TNB Platinum
No. 3, Jalan Bukit Pantai, Bangsar
59100 Kuala Lumpur.